

22 JUL 2000

Abu Zahar-Keselamatan

KERAJAAN BERTINDAK TERHADAP PIHAK CUBA ANCAM KESELAMATAN NEGARA

MELAKA, 22 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan bertindak terhadap mana-mana pihak yang cuba melakukan jenayah kekerasan dan penyelewengan agama tanpa mengira latar belakang politik mereka, demi keselamatan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, berkata sesiapa akan diambil tindakan jika mereka terlibat dengan jenayah yang mengancam negara.

" Kita bukan bertindak ke atas sesuatu berdasarkan politik, kita lebih mementingkan keadaan keselamatan negara kerana adalah hak setiap individu di negara ini berada dalam keadaan selamat di negara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) Zon Selatan, di Memorial Perisytiharan Kemerdekaan di Bandar Hilir, dekat sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan kerajaan ke atas Kumpulan Al-Ma'unah, yang mempunyai hubungan rapat dengan PAS, yang terlibat dalam rompakan senjata di dua kem tentera di Gerik pada 2 Julai lepas.

" Kita bertindak untuk membendung jenayah kekerasan dan penyelewengan agama dan bukannya terhadap PAS," kata Abu Zahar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata kumpulan itu mengambil tindakan melakukan jenayah di Gerik dan Sauk kerana mendapat inspirasi daripada PAS setelah terpengaruh dengan dakwah parti pembangkang itu.

"Kita tak boleh lagi nafikan bahawa (kumpulan) Al-Ma'unah ini mendapat inspirasi daripada PAS dan mereka, walaupun mungkin tidak dengan arahan daripada ketua parti PAS, tetapi mereka terpengaruh dengan dakwah PAS," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Kuala Lumpur.

Sekumpulan anggota Al-Ma'unah, yang menyamar sebagai anggota tentera merompak lebih seratus senjata api, bahan letupan dan peluru dari pos tentera Sungai Rui dan kem Batalion 304 Askar Wataniah di Gerik pada 2 Julai lepas sebelum berkubu di tempat persembunyian di Bukit Jenalek, Sauk, kira-kira 25 km dari Kuala Kangsar, Perak.

Abu Zahar berkata kumpulan Al-Ma'unah merupakan puak ekstremis agama dalam usaha mereka untuk membentuk sebuah negara Islam tulen sedangkan Malaysia mencapai kejayaan baik dalam usaha mempertingkatkan kecemerlangan Islam.

" Pada saya matlamat mencuri senjata bagi kumpulan itu ialah untuk cuba nak adakan satu keadaan yang tidak tenteram dalam negara kita agar orang ramai mula menaruh syak wasangka sesama sendiri dan kewibawaan kerajaan mengawal keadaan, " katanya.

Oerhimpunan JPA3 itu disertai oleh kira-kira 400 anggota dari Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Johor dan Melaka. Ia bertujuan menguji kecekapan dan kemahiran serta pendedahan kepada anggotanya.

-- BERNAMA

NO NAK